

Headline	Citizens advised to improve English Language		
Date	23 April 2004		
Media Title	Berita Harian	Section	Local News
Page No	9	Size	2colx26cm

Rakyat digesa halusi bahasa Inggeris

WARGA Singapura digesa menghalusi kemahiran berbahasa Inggeris memandangkan ia penting untuk pekerjaan dalam sektor perkhidmatan.

Penguasaan bahasa Inggeris yang baik akan turut memudahkan seseorang itu mendapatkan peluang pekerjaan.

Demikian dinyatakan Pemangku Menteri Tenaga Manusia, Dr Ng Eng Hen, dalam ucapannya sewaktu melancarkan Gerakan Berbahasa Inggeris Dengan Baik (SGEM) di Arts House, kelmarin.

Menurutnya, penguasaan yang baik akan memudahkan perkembangan kemahiran seseorang selain meningkatkan keyakinan pekerja setempat terutamanya bagi mereka yang bertugas dalam sektor runcit, pelancongan dan layanan tamu.

Ini sekali gus memberi kesan yang baik atas perkhidmatan yang diberikan kepada pelancong dan pengunjung dari luar negara.

Ini merupakan kali kelima SGEM dianjurkan

sejak ia diadakan pada 2000.

Tema SGEM kali ini ialah 'English@Work&Play' atau bahasa Inggeris untuk digunakan ketika di tempat kerja dan semasa bersantai.

Minggu berbahasa Inggeris kali ini ditumpukan terhadap golongan dewasa terutama para pekerja kolar biru dan mereka yang bertugas di sektor perkhidmatan.

Pengerusi SGEM, En-cik David Wong, dalam taklimat akhbar berkata pelbagai acara akan disajikan antara hari ini dengan lusa bagi menarik minat ramai agar berbahasa Inggeris dengan baik.

Antara acara yang diadakan termasuklah pementasan teater dalam bahasa Inggeris yang disajikan oleh Teater Ekamatra selain acara berpuisi dan bercerita untuk kanak-kanak yang dianjurkan The British Council.

Untuk maklumat lengkap tentang kegiatan-kegiatan yang diadakan, orang ramai boleh melongsuri telaman <http://www.sgem.org.sg>